



**KEMENTERIAN KES HATAN
MALAYSIA**

Bahagian Sumber Manusia
Aras 9 dan 10, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 W.P. Putrajaya.
Tel : 603 8883 2786
www.moh.gov.my



**KEMENTERIAN KES HATAN
MALAYSIA**

PEMBANGUNAN KERJAYA

Pegawai Pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia



PEMBANGUNAN KERJAYA

Pegawai Pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia

Cetakan Pertama: November 2007

© Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia.

**Kementerian Kesihatan Malaysia
Bahagian Sumber Manusia,
Aras 9 dan 10, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 W. P. Putrajaya.
Tel : + 603-8883 2786
www.moh.gov.my**

Kandungan

Pengenalan	1
Tugas dan Tanggungjawab Pegawai Pergigian	2
Proses Pelantikan	3
Syarat Perkhidmatan	5
Peluang Kerjaya di KKM	9
Senarai Hospital Latihan Siswazah yang Diperakukan oleh Lembaga Kelayakan Perubatan	13
Bayaran Insentif dan Kemudahan Lain	15
Pengiraan Emolumen dan Elaun Pegawai Pergigian / Pakar	20
Permohonan Mengikuti Program Pengajian Sarjana Pergigian / Pakar	22
Kelayakan Masuk	23
Gambar Rajah Tempoh Prawarta	31
Rajah Kenaikan Pangkat	32

PEMBANGUNAN KERJAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SALAM SEJAHTERA

Buku *Pembangunan Kerjaya Pegawai Pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia* merupakan buku pertama seumpamanya yang dikeluarkan oleh Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia selaras dengan hasrat Kementerian ini untuk membangunkan modal insan dalam mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan. Buku ini menerangkan dengan ringkas dan padat serta memudahkan pemahaman mengenai syarat skim perkhidmatan dan peluang kerjaya Pegawai Pergigian di sektor awam terutama kepada bakal graduan bidang Pergigian dan pegawai perubatan yang sedang berkhidmat. Sememangnya menjadi harapan agar buku ini dapat dijadikan sebagai panduan dalam merancang kerjaya Pegawai Pergigian, dan segala kekaburan mengenai peluang kerjaya akan dapat dielakkan di samping dapat mempercepat urusan yang dilaksanakan terhadap sesuatu perkara berkaitan dengan perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, isi kandungan yang terdapat di dalam buku ini adalah terhad. Ia sekadar untuk memberikan kefahaman secara mudah dan tidak boleh digunakan bagi apa-apa tujuan lain khususnya yang membawa implikasi undang-undang. Pegawai Pergigian yang berkhidmat di sektor awam masih perlu menjalani kursus orientasi dan induksi yang telah disusun oleh pihak pengurusan sumber manusia di peringkat Ibu Pejabat Kementerian dan Negeri untuk memperkemas dan memantapkan lagi pemahaman mengenai fungsi, peranan dan tanggungjawab anggota sebagai seorang Pegawai Pergigian.

Sukacita dimaklumkan juga bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia mengalu-alukan apa-apa teguran dan pandangan daripada para pembaca dengan maksud menambah baik kandungan buku ini. Akhir kata, dengan terbitnya buku ini diharapkan Pegawai Pergigian yang berpengetahuan, berdaya saing, berbudaya kerja cemerlang, berintegriti serta mempunyai nilai moral dan etika yang utuh dapat dibentuk seiring dengan aspirasi kerajaan dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Selamat Maju Jaya.

SABARIAH BT. HASSAN
Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia)
Kementerian Kesihatan Malaysia

PEMBANGUNAN KERJAYA PEGAWAI PERGIGIAN DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENGENALAN

Perkhidmatan pergigian merupakan salah satu perkhidmatan kesihatan yang penting di negara ini. Pegawai Pergigian memainkan peranan yang penting dalam memberikan rawatan kepada pesakit, merancang dan melaksanakan dasar Kerajaan berkaitan dengan aktiviti kesihatan dan pergigian di negara ini. Peranan dan tugas Pegawai Pergigian semakin penting dalam era pembangunan negara dan dunia hari ini. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia memerlukan lebih ramai Pegawai Pergigian yang cekap, dinamik, sanggup menerima cabaran dan bersedia untuk berkhidmat kepada negara dan masyarakat tanpa mengira masa dan tempat. Oleh itu, dengan kerjasama dan sokongan padu daripada semua pihak akan dapat menyumbang kepada usaha Malaysia untuk mencapai aspirasinya bagi mengadakan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan bertaraf dunia sebelum tahun 2020.

BAB 1

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERGIGIAN

Tanggungjawab Pegawai Pergigian secara umumnya adalah untuk memberikan rawatan yang berkaitan dengan pergigian. Tugas utama merangkumi rawatan klinikal, pencegahan dan penggalakan, mengikuti dan menganjurkan latihan dalam perkhidmatan, merancang dasar serta menjalankan penyelidikan yang berkaitan dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan pergigian di Malaysia. Antara program utama yang melibatkan pegawai pergigian secara langsung ialah program kesihatan pergigian primer, kesihatan pergigian masyarakat dan kepakaran pergigian. Di samping itu, seorang pegawai pergigian harus bertanggungjawab terhadap urusan pentadbiran dan pengurusan di klinik dan juga kakitangan bawahan bagi memastikan setiap tugas yang diberikan dapat dijalankan dengan sempurna.

BAB 2

PROSES PELANTIKAN

A. SYARAT PELANTIKAN

Untuk menjadi seorang Pegawai Pergigian, calon perlu memenuhi syarat berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh iklan tawaran kerja diiklankan;
- iii. Memiliki ijazah pergigian dari universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia (MPM);
- iv. Lulus Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia termasuk Ujian Lisan dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan lain yang setaraf dan diiktiraf; dan
- v. Calon yang dilantik memenuhi kriteria di bawah Akta dan Peraturan Pergigian 1971 serta berdaftar dengan MPM.

B. TATACARA PELANTIKAN

Pelajar yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pergigian sama ada dari universiti di dalam dan luar negara (BDS@DDS) perlu mendapatkan satu set borang permohonan jawatan sebagai Pegawai Pergigian dari Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia yang mengandungi borang berikut:

- (i) Borang Maklumat Diri (BMD);
- (ii) Borang Tapisan Keselamatan;
- (iii) Borang Pendaftaran dengan Majlis Pergigian Malaysia; dan
- (iv) Borang SPA. 8 (berharga RM3.00 atau dapat diperolehi dari laman web: www.spa.gov.my).

Bahagian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan mengemukakan permohonan tersebut kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk diproses. Permohonan juga boleh dibuat terus kepada SPA melalui laman web atau Borang SPA 8 tanpa melalui Bahagian Sumber Manusia, KKM.

C. LATIHAN PEGAWAI PERGIGIAN SISWAZAH

Pegawai Pergigian perlu menjalani latihan siswazah ataupun program Pegawai Pergigian Tahun Pertama (*First Year Dental Officer* atau *FYDO*) selama satu tahun di klinik pergigian dan hospital KKM atau di universiti seperti Pusat Pergigian Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pegawai Pergigian (FYDO) yang baru dilantik ke perkhidmatan awam akan dibayar gaji mengikut Gred U41 (P1T5) – RM 2,366.55 sebulan.

D. PENEMPATAN PEGAWAI PERGIGIAN

Pegawai Pergigian wajib berkhidmat selama 3 tahun dengan kerajaan. Penempatan pegawai selepas tamat program Pegawai Pergigian Tahun Pertama bergantung pada keperluan dan kekosongan jawatan di mana-mana hospital, klinik kesihatan, ibu pejabat KKM, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan institusi kesihatan yang lain.

BAB 3

SYARAT PERKHIDMATAN

A. GAJI DAN EMOLUMEN

Pegawai Pergigian boleh dilantik dan diberi gaji pokok sebulan mengikut gred berikut :

	Gred	Minimum	Maksimum
i.	U41	RM2,366.55 (P1T5)	RM4,723.81
ii.	U44	RM3,028.90 (P1T1)	RM5,018.81
iii.	U48	RM4,431.54 (P1T1)	RM5,882.85
iv.	U52	RM4,992.31 (P1T1)	RM6,443.62
v.	U54	RM5,258.09 (P1T1)	RM6,843.02

B. ELAUN / IMBUHAN TETAP

Selain gaji pokok di atas, semua Pegawai Pergigian Gred U41 akan menerima imbuhan berikut:

i.	Imbuhan Tetap Khidmat Awam	RM300.00
ii.	Imbuhan Tetap Perumahan	RM250.00
iii.	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	RM750.00

Pegawai Pergigian Gred U44 akan menerima imbuhan berikut:

i.	Imbuhan Tetap Keraian	RM 400.00
ii.	Imbuhan Tetap Perumahan	RM 400.00
iii.	Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	RM 750.00

Pegawai Pergigian Gred U48 akan menerima imbuhan berikut:

- | | | |
|------|--|-----------|
| i. | Imbuhan Tetap Keraian | RM 550.00 |
| ii. | Imbuhan Tetap Perumahan | RM 700.00 |
| iii. | Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal | RM 750.00 |

Pegawai Pergigian Gred U52 akan menerima imbuhan berikut:

- | | | |
|------|--|------------|
| i. | Imbuhan Tetap Keraian | RM 600.00 |
| ii. | Imbuhan Tetap Perumahan | RM 700.00 |
| iii. | Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal | RM 750.00k |

Pegawai Pergigian Gred U54 akan menerima imbuhan berikut:

- | | | |
|------|--|-----------|
| i. | Imbuhan Tetap Keraian | RM 800.00 |
| ii. | Imbuhan Tetap Perumahan | RM 900.00 |
| iii. | Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal | RM 750.00 |

Pegawai Pergigian Gred JUSA C / Khas C dan ke atas akan menerima imbuhan berikut:

- i. Elaun Keraian antara RM2,150.00 hingga RM4,000.00 sebulan
- ii. Bayaran Bantuan Penyelenggara Rumah sebanyak RM166.67 sebulan
- iii. Bayaran Bantuan Pembantu Rumah sebanyak RM500.00 sebulan
- iv. Sebuah kereta rasmi dan kemudahan petrol
- v. Imbuhan Tetap Jawatan Utama/Gred Khas antara RM810.00 hingga RM2,500.00 sebulan
- vi. Bayaran Insentif Khas antara RM400.00 hingga RM1,250.00 sebulan.

C. IMBUHAN / INSENTIF KHAS

Pegawai Pergigian yang berkhidmat dalam perkhidmatan awam juga akan menerima insentif mengikut gred dan jawatan selain yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat kelayakan seperti yang telah ditetapkan. Antaranya adalah:

- i. Bantuan Sara Hidup (COLA) pada kadar RM100 hingga RM300 bergantung pada tempat bertugas
- ii. Bayaran Insentif Pakar pada kadar antara RM1,300.00 hingga RM2,400.00 sebulan
- iii. Elaun Kerja luar Waktu Bekerja Biasa pada kadar antara RM50.00 hingga RM170.00 sekali *on call*.
- iv. Bayaran Insentif Wilayah bagi Pegawai Pergigian di Sabah dan Sarawak pada kadar 12.5 hingga 17.5 peratus daripada gaji bulanan.
- v. Bayaran Insentif Pedalaman bagi Pegawai Pergigian di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak pada kadar 10 peratus daripada gaji bulanan.
- vi. Lokum (Pekeliling mengenai garis panduan lokum telah dikeluarkan pada 1 Disember 2006).

(Rujuk **Lampiran 2** dan **2A** bagi emolumen dan kategori bayaran insentif mengikut gred serta jumlah pendapatan kasar minimum yang diperolehi pegawai).

D. KEMUDAHAN LAIN

Pegawai Pergigian layak menerima pelbagai kemudahan selama berkhidmat dalam perkhidmatan awam. Kemudahan yang layak diterima adalah seperti yang berikut:

- i. Kemudahan Perubatan percuma untuk pegawai, keluarga dan ibu bapa

- ii. Kwarters
- iii. Pinjaman perumahan dengan kadar faedah 4% (RM200,000.00-
RM300,000.00)
- iv. Pinjaman komputer (maksimum RM 5,000.00)
- v. Pinjaman kereta dengan kadar faedah 4 % (RM27,000.00 –
RM200,000.00)
- vi. Skim pencen atau KWSP
- vii. Peluang melanjutkan pelajaran
- viii. Elaun dalam perkhidmatan
 - a. Elaun kerana bertugas
 - b. Elaun, kemudahan dan bayaran kerana bertukar atau berpindah
rumah dalam negeri
 - c. Elaun kerana berkursus
 - d. Elaun bertugas di seberang laut
- ix. Kelayakan cuti
 - a. Cuti tahunan sebanyak 30 hari setahun
 - b. Cuti separuh gaji
 - c. Cuti tanpa gaji
 - d. Cuti mengerjakan haji 40 hari
 - e. Cuti bersalin maksimum 90 hari
 - f. Cuti sakit dan cuti sakit lanjutan
 - g. Cuti kerana berkursus
 - h. Cuti haji
 - i. Cuti tanpa rekod (perayaan, gantian, menghadiri peperiksaan dan
lain-lain)
- x. Keahlian dalam kelab rekreasi
- xi. Kemudahan pengurusan jenazah anggota sebanyak RM1,000.00
- xii. Bayaran sugu hati persidangan
- xiii. Elaun, bayaran dan kemudahan kerana menghadiri perbicaraan
di mahkamah.

BAB 4

PELUANG KERJAYA DI KKM

A. JENIS PENGKHUSUSAN

Pegawai Pergigian di KKM boleh mengembangkan kerjayanya dalam tiga (3) bidang utama, iaitu:

i. Pegawai Pergigian Pakar Klinikal dalam pelbagai bidang

Terdapat lapan (8) bidang kepakaran dalam perkhidmatan pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia, iaitu: Pergigian Bedah Mulut, Ortodontik, Periodontik, Pergigian Pediatrik, Pergigian Restoratif/ Prostodontik, Patologi dan Perubatan Mulut, Pergigian Forensik dan *Special Care Dentistry*. Di samping itu, Kesihatan Awam Pergigian juga merupakan satu bidang pengkhususan dalam kesihatan pergigian. Mereka ini berkhidmat di hospital dan di klinik kesihatan kecuali pakar kesihatan awam yang juga ditempatkan di Ibu Pejabat, Jabatan Kesihatan Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah.


ii. Pegawai Pergigian Klinikal

Pegawai ini bukan kategori pakar pergigian tetapi terdiri daripada pegawai yang berpengalaman dan telah berkhidmat dalam jangka masa yang lama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Peranan utama mereka adalah untuk mengurangkan bilangan pesakit yang perlu dirujuk untuk khidmat rawatan kecemasan daripada kepakaran pergigian.

iii. Pegawai Pergigian Pentadbir

Pegawai Pergigian ini menjalankan tugas pentadbiran klinikal dan boleh bertugas di Ibu Pejabat, Jabatan Kesihatan Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah.

Carta Pengkhususan adalah seperti di bawah:



B. PELUANG MENGIKUTI LATIHAN

Selaras dengan dasar KKM yang menggalakkan budaya belajar di kalangan organisasi, pembangunan profesional berterusan dan peningkatan kualiti perkhidmatan serta melahirkan pegawai yang cekap, Pegawai Pergigian berpeluang;

- i. mengikuti latihan dan kursus jangka pendek sama ada di dalam atau di luar negara
- ii. mengikuti latihan Sarjana kepakaran dan subkepakaran di dalam dan di luar negara
- iii. ditempatkan di badan antarabangsa atau institusi pergigian
- iv. mengikuti persidangan dan sebagainya di dalam atau di luar negara

Prosedur Permohonan

- (i) Syarat asas untuk mengikuti Kursus Sarjana dan kepakaran tertakluk kepada: -
 - a. Pengesahan dalam perkhidmatan (1 hingga 3 tahun)
 - b. Prestasi yang memuaskan serta diperakukan oleh ketua jabatan
- (ii) Selepas menamatkan kepakaran asas dan latihan selama 6 bulan, pegawai perlu memohon untuk diwartakan sebagai pakar di KKM.
- (iii) Tempoh ikatan / kontrak dengan Kerajaan bagi Kursus Sarjana bergantung pada tempoh kursus yang diikuti.

(Rujuk **Lampiran 2** dan **2A** untuk Program Sarjana dan Subkepakaran yang ditawarkan dan syarat kemasukan)

(Rujuk **Lampiran 3** untuk melihat proses pewartaan)

C. PELUANG KENAIKAN PANGKAT

Kerjaya Pegawai Pergigian di KKM menjanjikan peluang kerjaya yang baik. Kerajaan telah melaksanakan penambahbaikan laluan kerjaya bagi Pegawai Pergigian dengan menyediakan pelan laluan kerjaya secara komprehensif dari gred lantikan hingga ke Gred 54 berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Lampiran 6** untuk Laluan Kerjaya Pegawai Pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia.

PENUTUP

Kementerian Kesihatan Malaysia telah membangunkan pelbagai kemudahan lengkap dengan teknologi terkini bagi memastikan kualiti perkhidmatan pergigian untuk masyarakat adalah terbaik. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia memerlukan Pegawai Pergigian yang komited, cekap dan sedia berkhidmat tanpa mengira masa atau tempat. Bagi menarik lebih ramai Pegawai Pergigian untuk berkhidmat dengan kerajaan, Kementerian sentiasa memperbaiki dan mempertingkatkan skim perkhidmatan ini dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN 1

**SENARAI HOSPITAL LATIHAN SISWAZAH YANG DIPERAKUKAN
OLEH LEMBAGA KELAYAKAN PERUBATAN**

Negeri	Nama Hospital
ii. Perlis	Hospital Kangar
iii. Kedah	Hospital Alor Setar Hospital Sungai Petani
iiii. Pulau Pinang	Hospital Pulau Pinang Hospital Seberang Jaya
iv. Perak	Hospital Taiping Hospital Ipoh Hospital Teluk Intan Hospital Sri Manjung – Lumut
v. Wilayah	Hospital Kuala Lumpur Hospital Putrajaya
vi. Selangor	Hospital Tengku Ampuan Rahimah Hospital Selayang Hospital Kajang
vii. Negeri Sembilan	Hospital Seremban Hospital Kuala Pilah
viii. Melaka	Hospital Melaka

PEMBANGUNAN KERJAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Negeri	Nama Hospital
ix. Johor	Hospital Batu Pahat Hospital Muar Hospital Sultanah Aminah
x. Pahang	Hospital Tengku Ampuan Afzan
xi. Terengganu	Hospital Kuala Terengganu
xii. Kelantan	Hospital Kota Bharu
xiii. Sarawak	Hospital Umum Sarawak Hospital Sibul
xiv. Sabah	Hospital Queen Elizabeth Hospital Tawau
xv. Universiti	Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia Hospital Universiti Sains Malaysia Pusat Perubatan Universiti Malaya

LAMPIRAN 2

BAYARAN INSENTIF DAN KEMUDAHAN LAIN

1. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

Anggota dalam perkhidmatan **Pegawai Pergigian** dibayar Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal sebanyak **RM750 sebulan** berkuat kuasa 1 Januari 2008.

2. Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam

Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam dilaksanakan mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1993 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1994.

Insentif ini layak dibayar kepada **Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian** yang mempunyai ijazah lanjutan dalam MPH/DPH atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengan MPH/DPH dan menjalankan kerja dalam bidang kesihatan awam.

Gred	Kadar Sebulan (RM)
Utama/Khas dan ke atas	1920
U53/54	1760
U51/52	1440
U47/48	1360
U43/44	1120
U41	1040

Mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2004.

3. Bayaran Insentif Pentadbiran Hospital

Bayaran Insentif Pentadbiran Hospital dilaksanakan mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1994. Insentif ini dibayar kepada **Pegawai Pergigian** yang mempunyai kelayakan ijazah lanjutan '*Masters in Hospital Administration*' dan menjalankan kerja pentadbiran hospital.

Gred	Kadar Sebulan (RM)
Utama/Khas dan ke atas	1680
U53/54	1540
U51/52	1260
U47/48	1190
U43/44	980
U41	910

Mula berkuat kuasa pada 1 November 2002.

4. Bayaran Insentif Pakar

Bayaran Insentif Pakar dilaksanakan mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 1990. Insentif ini dibayar kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang mempunyai kelayakan ijazah lanjutan dalam bidang kepakaran klinikal yang diiktiraf dan telah diwartakan sebagai pakar.

Gred	Kadar Sebulan (RM)
Utama/Khas dan ke atas	2400
U53/54	2200
U51/52	1800
U47/48	1700
U43/44	1400
U41	1300

Mula berkuat kuasa pada 1 November 2002.

5. Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa

Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa dibayar kepada Pegawai Perubatan yang menjalankan tugas di luar waktu bekerja biasa mengikut kadar berikut:

Jenis Tugas	Kadar Semasa (RM/semalam)
Tugas Atas Panggilan Aktif	
Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan yang menjalankan tugas di luar waktu bekerja biasa melebihi 15 jam sehari secara berterusan pada	
a) Hari bekerja penuh	150.00
b) Hari cuti mingguan & hari cuti am	170.00
Tugas Atas Panggilan Pasif	
a) Pegawai Perubatan yang diarah bersedia di rumah dan dipanggil bertugas selama lebih daripada 4 jam pada	
- Hari bekerja penuh	90.00
- Hari cuti mingguan & hari cuti am	100.00
b) Pegawai Perubatan yang diarah bersedia di rumah dan dipanggil bertugas selama kurang daripada 4 jam atau tidak dipanggil bertugas pada	
- Hari bekerja penuh	50.00
- Hari cuti mingguan & hari cuti am	55.00

PEMBANGUNAN KERJAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Jenis Tugas	Kadar Semasa (RM/semalam)
Pegawai Latihan Siswazah yang menjalankan tugas di luar waktu bekerja biasa melebihi 15 jam secara berterusan pada	
a) Hari bekerja penuh	100.00
b) Hari cuti mingguan & hari cuti am	110.00

Mula berkuat kuasa pada 1 November 2002.

6. Bayaran Insentif Wilayah

Bayaran Insentif Wilayah dilaksanakan mengikut syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987, iaitu bagi pegawai yang bertugas di wilayah baru yang berlainan daripada wilayah tempat asal pegawai.

Lingkungan Gaji (termasuk Elaun Pemangkuan)	Peratusan daripada Gaji yang Diterima
RM623.62 dan ke bawah	25
RM871.67– RM623.62	22.5
RM1427.06 – RM871.68	20
RM2852.83 – RM1427.07	17.5
RM4839.65 – RM2852.84	15
RM4839.66 dan ke atas	12.5

7. Bayaran Insentif Pedalaman

Pekeliling Perkhidmatan Bil 9/1991 (Lampiran D6, M/S 1337).

Bayaran Insentif Pedalaman dengan kadar 10% daripada gaji bulanan yang diperuntukkan dalam perenggan 3.3 Lampiran 'C', PP Bil 9 Tahun 1980, dikekalkan **dengan pindaan**, iaitu diberi kepada anggota yang berkhidmat di kawasan terpencil dengan dan **menghadapi dua** daripada perkara berikut:-

- a) perhubungan pengangkutan yang sukar:
 - (i) tiada kemudahan alat perhubungan seperti telefon dan alat tanpa wayar;
 - (ii) terpaksa berjalan kaki atau menggunakan pelbagai kaedah pengangkutan untuk dihubungi seperti kenderaan bermotor dan perahu;
 - (iii) tiada kemudahan pengangkutan biasa; dan
 - (iv) perjalanan mengambil masa yang panjang.
- b) kemudahan asas berikut yang kurang sempurna, iaitu
 - (i) bekalan air bersih;
 - (ii) tempat kediaman yang sesuai (rumah papan yang mempunyai ruang dapur/tamu/bilik tidur);
 - (iii) bekalan elektrik (sekurang-kurangnya 12 jam sehari);
 - (iv) pusat bekalan;
 - (v) klinik desa; dan
 - (vi) sekolah rendah.
- c) tidak mempunyai kemudahan sosial berikut:
 - (i) masjid;
 - (ii) dewan orang ramai; dan
 - (iii) tempat riadah.

Senarai kawasan pedalaman seperti SPP 1/2000 bagi Sabah dan SPP 2/2000 bagi Sarawak.

8. Menyediakan Laporan Perubatan

- | | |
|----------------------------|---------------------|
| i. Laporan ringkas | RM40.00 |
| ii. Laporan ringkas pakar | RM40.00 |
| iii. Laporan lengkap pakar | RM200.00-RM1,000.00 |

LAMPIRAN 2A

PENGIRAAN EMOLUMEN DAN ELAUN PEGAWAI PERGIGIAN / PAKAR

Emolumen	Gred				
	U41	U44	U48	U52	U54
Gaji Pokok (minimum)	RM2366.55	RM3028.90	RM4431.54	RM4992.31	RM5258.09
Imbuan Tetap Khidmat Awam	RM300.00	RM400.00	RM550.00	RM600.00	RM800.00
Imbuan Tetap Perumahan	RM210.00	RM210.00	RM700.00	RM700.00	RM900.00
Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	RM500.00	RM500.00	RM500.00	RM500.00	RM500.00
Bayaran Insentif Pakar	RM1,300.00*	RM1,400.00	RM1,700.00	RM1,800.00	RM2,200.00
JUMLAH	RM4676.55	RM5538.90	RM7881.54	RM8592.31	RM9658.09

* Untuk pegawai U41 yang telah diwartakan sebagai pakar sahaja

PENGIRAAN EMOLUMEN DAN ELAUN PEGAWAI PERGIGIAN (Kelulusan Sarjana / Diploma Kesihatan Awam)

Emolumen	Gred				
	U41	U44	U48	U52	U54
Gaji Pokok (minimum)	RM2366.55	RM3028.90	RM4431.54	RM4992.31	RM5258.09
Imbuan Tetap Khidmat Awam	RM300.00	RM400.00	RM550.00	RM600.00	RM800.00
Imbuan Tetap Perumahan	RM210.00	RM210.00	RM700.00	RM700.00	RM900.00
Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal	RM500.00	RM500.00	RM500.00	RM500.00	RM500.00
Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam	RM1,040.00	RM1,120.00	RM1,700.00	RM1,800.00	RM2,200.00
JUMLAH	RM4416.55	RM5258.90	RM7881.54	RM8592.31	RM9658.09

PENGIRAAN EMOLUMEN DAN ELAUN PEGAWAI PERGIGIAN GRED KHAS C, B & A

Emolumen	Gred Khas		
	C	B	A
Gaji Pokok (minimum)	RM 6,595.99	RM 7,145.00	RM 7,766.66
Elaun Keraian	RM 2,150.00	RM 2,650.00	RM 3,300.00
Imbuan Tetap Perumahan	RM 1,300.00	RM 1,600.00	RM 2,000.00
Bayaran Insentif Pakar	RM 2,400.00	RM 2,400.00	RM 2,400.00
Bayaran Insentif Khas	RM 400.00	RM 600.00	RM 1,000.00
Elaun Pembantu Rumah	RM 500.00	RM 500.00	RM 500.00
Imbuan Tetap Gred Khas	RM 810.00	RM 1,200.00	RM 2,000.00
Elaun Penyelenggaraan Rumah (Bayaran secara tahunan)	RM 166.67	RM 166.67	RM 166.67
JUMLAH	RM 14,322.66	RM 16,261.67	RM 19,133.33

PENGIRAAN EMOLUMEN DAN ELAUN PEGAWAI PERGIGIAN (GRED UTAMA C, B & A)

Emolumen	Gred Utama		
	C	B	A
Gaji Pokok (minimum)	RM 6,595.99	RM 7,145.00	RM 7,766.66
Elaun Keraian	RM 2,500.00	RM 3,050.00	RM 4,000.00
Imbuan Tetap Perumahan	RM 1,300.00	RM 1,600.00	RM 2,000.00
Bayaran Insentif Khas	RM 500.00	RM 750.00	RM 1,250.00
Elaun Pembantu Rumah	RM 500.00	RM 500.00	RM 500.00
Imbuan Tetap Jawatan Utama	RM 1,000.00	RM 1,500.00	RM 2,500.00
Elaun Penyelenggaraan Rumah (Bayaran secara tahunan)	RM 166.67	RM 166.67	RM 166.67
JUMLAH	RM 12,562.66	RM 14,711.677	RM 18,183.33

LAMPIRAN 3

**PERMOHONAN MENGIKUTI PROGRAM PENGAJIAN
SARJANA PERGIGIAN / PAKAR**

Calon KKM yang berjawatan tetap dipelawa untuk mengikuti Program Pengajian Sarjana Pergigian di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam bidang pengkhususan berikut:

IPTA	BIDANG PENGKHUSUSAN
UNIVERSITI MALAYA	Pembedahan Oral, Ortodontik, Pergigian Pediatrik, Periodontologi, Patologi dan Perubatan Mulut, Pergigian Restoratif, Pergigian Komuniti
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA	Perubatan Komuniti, Pembedahan Oral, Pergigian Restoratif
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA	Ortodontik

KELAYAKAN MASUK


SYARAT AM

1. BDS@DDS, MClintDent atau yang setaraf dengannya dari universiti yang diiktiraf;
2. Berdaftar penuh dengan Majlis Pergigian Malaysia;
3. Mempunyai pengalaman Klinikal sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas pendaftaran penuh;
4. Disahkan dalam jawatan pada atau sebelum tarikh tutup iklan;
5. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam di negara ini:
 - (a) Tidak kurang daripada **tiga (3) tahun** pada atau sebelum tarikh tutup iklan.
 - (b) Pegawai pergigian yang telah menjalani H.O di luar negara hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** selepas pendaftaran dengan MPM pada atau sebelum tarikh tutup iklan.
6. Berumur tidak **melebihi 46 tahun** pada tarikh pendaftaran;
7. Tidak pernah gagal dalam kursus, menarik diri atau menolak tawaran kursus Sarjana Pergigian;
8. Laporan Penilaian Prestasi Tahunan hendaklah tidak kurang daripada 85% bagi tiga (3) tahun terakhir berturut-turut; dan
9. Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib.


SYARAT KHAS : Seperti dalam bahagian 6,7 dan 8 e-Panduan kemasukan.


SYARAT TAWARAN : Seperti dalam e-Panduan kemasukan.

CARTA ALIR PROSES PEMILIHAN CALON SARJANA PERGIGIAN DI IPTA SESI 2006-2007



BPL: Bahagian Pengurusan Latihan
JPA: Jabatan Perkhidmatan Awam
KPT: Kementerian Pengajian Tinggi





Catatan:

1. ▲ : KKM berhak menentukan penempatan latihan bagi calon sistem terbuka
2. Sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan

BPL : Bahagian Pengurusan Latihan
JPA : Jabatan Perkhidmatan Awam

PERMOHONAN DALAM TALIAN


1. Bermula pada awal Oktober setiap tahun.
2. Wajib memohon secara dalam talian di laman web <http://www.mohe.gov.my> atau <http://emoe.gov.my>.
3. Pemohon yang mempunyai kad pengenalan / My Kad sahaja boleh memohon.
4. Pemohon dikehendaki membayar wang proses sebanyak **RM25.00** untuk mendapatkan Nombor ID dengan mengkreditkan terus ke Akaun **UPU-14100-29-83030691-5** di mana-mana kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan bayaran tambahan RM0.60 sebagai bayaran perkhidmatan bank. Resit akan dikeluarkan oleh pihak BSN bersama dengan Nombor ID. Nama dan KP Pemohon hendaklah dinyatakan dalam pembayaran.
5. Sebarang masalah atau pertanyaan mengenai Permohonan Dalam Talian, sila hubungi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) di : **03-88835801** atau e-mel : upu@mohe.gov.my

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :

Akhir OKTOBER setiap tahun

Sebarang kelewatan, permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat kelayakan masuk tidak akan dipertimbangkan.

CARTA ALIR PERMOHONAN PROGRAM SUBKEPAKARAN








Catatan:

- Calon **WAJIB** mengikuti Kursus BTN sebelum ke luar negara.
- Calon **TIDAK BOLEH** ke luar negara sebelum mendapat kelulusan JPA dan KKM (BPL).
- CTG **TIDAK BOLEH** digunakan untuk program ini.
- Permohonan untuk ke luar negara hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh mula latihan di luar negara.
- Hanya **calon yang disenaraikan sahaja** yang layak mendapat CBBP dengan HLP atau CBBP tanpa HLP sesuai dengan jumlah slot dan pertimbangan KKM.

Nota :

1. CTG - Cuti Tanpa Gaji
2. BPL - Bahagian Pengurusan Latihan, KKM
3. CBBP - Cuti Belajar Bergaji Penuh
4. HLP - Hadiah Latihan Persekutuan

RAJAH KENAIKAN PANGKAT



Nota : *Pegawai pergigian tanpa apa-apa kepakaran boleh menjadi pegawai pergigian pentadbir atau pegawai pergigian yang merawat pesakit.

**JADUAL LALUAN KERJAYA BAGI PEGAWAI PERUBATAN DI KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

URUSAN	SKIM PERKHIDMATAN		CATATAN
	PERGIGIAN		
Gred 41 - Gred 44	2 tahun di Gred 41		Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
URUSAN	PAKAR	BUKAN PAKAR	CATATAN
Gred 44 - Gred 48	3 tahun di Gred 44 atau tarikh warta pakar, mana yang terdahulu	3 tahun di Gred 44	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
Gred 48 - Gred 52	2 tahun di Gred 48 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal dan tertakluk kepada perakuan Panel Penilaian Kepakaran, KKM	4 tahun di Gred 48 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
Gre 52 - Gred 54	2 tahun di Gred 52 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal dan tertakluk kepada perakuan Panel Penilaian Kepakaran, KKM	3 tahun di Gred 52 atau tertakluk kepada kekosongan jawatan mana yang lebih awal	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
Gred 54 Ke Utama/ Khas 'C' dan ke atas	Berdasarkan kepada perakuan Panel Penilaian Kepakaran, KKM	Tertakluk kepada kekosongan jawatan	Tertakluk memenuhi syarat kenaikan pangkat dalam skim perkhidmatan berkenaan
Tempoh Keseluruhan Untuk Berada di Gred 54 daripada Tarikh Lantikan	9 tahun	12 tahun	

NOTA

